

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

YMP 403 - Penulisan dan Penerbitan Risalah,
Majalah dan Jurnal

Masa: [2 jam]

Jawab SEMUA soalan.

1. Dari manakah seseorang penulis rencana itu boleh mendapat ilham untuk rencana-rencananya?
(15 markah)
2. Bila anda menulis sesebuah rencana anda perlu menumpukan perhatian kepada beberapa perkara. Bincangkan seberapa banyak yang boleh.
(25 markah)
3. Bincangkan "muka depan" sesebuah majalah. (10 markah)
4. Bincangkan mengapa sesebuah majalah perlu mengambil kira siapa pembacanya. (10 markah)
5. Bincangkan perbezaan di antara rencana "descriptive" dengan "profile." Apakah ciri-ciri rencana "profile" yang lengkap?
(25 markah)
6. Betulkan ayat-ayat berikut:
 - a. Kami menangis tersedu-sedu kerana merasa tersangat pilu.
 - b. Saya disuruh menulis karangan tentang keburukan-keburukan dan kebaikan-kebaikan televisyen.
 - c. Kita hendaklah berusaha untuk memajukan negara untuk kepentingan kita bersama.

...2/-

- d. Walaupun percubaannya yang pertama tidak berjaya, dia tetap mencuba sehingga akhirnya berjaya.
- e. Mak Andam menduduki pengantin di atas pelamin.
- f. Dia menggeletar dengan ketakutan mendengar suara aneh di luar jendela.
- g. Kami mengadakan perjumpaan untuk membincangkan tentang nasib setingan-setingan di kawasan ini.
- h. Di saat genting itu dia membisu, tidak berkata suatu apa.
- i. Beberapa buah pondok-pondok setingan di situ telah dirobuhkan.
- j. Sebagai seorang ayah yang bertanggungjawab, anak saya tidak dibiarkan berbuat sesuka hati.
- k. Bagi anak-anak yang belum bersekolah, sangat gemar meniru lagak abang kakaknya membaca dan menulis.
- l. Sebaik sahaja membuka kemejanya dan mencapai kapak untuk mula menebang pokok, seekor harimau menerkam Pak Ali.
- m. Sebab Nita tidak mahu mengambil kursus perubatan ialah kerana kelemahannya tidak sanggup melihat darah.
- n. Sedangkan mereka dapat mengatasi masalah-masalah besar, inikan pula kesulitan yang sedemikian kecil.
- o. Gelas itu dia telah pecahkan dengan sengaja.

(15 markah untuk semua soalan)

-ooo000ooo-